



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 21/2022

MAKLUMAN HARI KELEPASAN AM SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU15)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Hari Kelepasan Am Sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15)
2. Pada 14 November 2022, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa tarikh 18 dan 19 November 2022 (Jumaat dan Sabtu) sebagai Hari Kelepasan Am seluruh negara bagi memudahkan rakyat Malaysia menunaikan tanggungjawab masing-masing keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 yang telah ditetapkan pada hari Sabtu, 19 November 2022.
3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang bersidang pada 16 November 2022 juga telah bersetuju untuk mengisytiharkan tarikh **18 dan 19 November 2022 (Jumaat dan Sabtu) sebagai Hari Kelepasan Am bagi seluruh negeri Kelantan**. Memandangkan Hari kelepasan Am tersebut jatuh pada Hari Kelepasan Mingguan bagi negeri Kelantan iaitu pada Hari Jumaat dan Sabtu maka hari berikutnya iaitu pada **Ahad, 20 November 2022** dijadikan sebagai Hari Kelepasan Am selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 7 Tahun 1996.
4. Pengisytiharan Hari Kelepasan Am ini adalah bagi memudahkan Keluarga Malaysia khususnya staf UMK menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk mengundi pada PRU15.
5. Sehubungan itu, semua staf adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

16 NOVEMBER 2022

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab